

# IPTA perlu ada perkongsian pintar dengan masyarakat

**BESUT-** Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu melaksanakan perkongsian pintar dengan masyarakat bagi memastikan institusi itu tidak terasing dengan masyarakat dan menyumbang ilmu untuk pembangunan negara.

Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, perkongsian pintar dengan masyarakat adalah usaha memanfaatkan kewujudan universiti kepada masyarakat setempat.

Menurutnya, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti dua kawasan untuk pelaksanaan Program Perkongsian Pintar dengan Masyarakat (UCTC) iaitu di Besut dan Pagoh, Johor.

"Hasil perkongsian ini akan beri manfaat yang besar kepada masyarakat di daerah ini hasil penggabungan segala sumber dan kepakaran yang ada di universiti terbabit," katanya yang juga Ahli Parlimen Besut.

Beliau berkaa demikian ketika melancarkan I Care UCTC di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Kampus Tembila di sini semalam.

Hadir sama Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Yahya Ibrahim dan wakil rakyat dalam Parlimen Besut.



**Idris dan Yahya melihat pertunjukan robotik oleh pelajar di Unisza Kampus Tembila, semalam.**

Idris berkata beberapa program yang telah dilaksanakan Unisza untuk masyarakat di daerah ini antaranya projek bahasa Inggeris pada hujung minggu iaitu A Weekend in English (AwiE) dan Pertanian Do It Yourself.

Menurutnya, universiti juga jangan hanya tumpu akademik atau penyelidikan dan pembangunan semata-mata sebaliknya perlu relevan industri selain relevan masyarakat.

"Setiap fakulti IPTA di negara ini perlu ada rakan industri dan perlu ada pejabat mereka (industri) di fakulti tersebut manakala sebanyak 30 peratus syarahan juga perlu diberikan oleh pihak industri kepada pelajar.

"Saya galakkan sebarang cadangan untuk menganugerahkan pangkat profesor atau profesor madya pun pastikan pensyarah ini ada hubungan dengan industri," katanya.

SINAR HARIAN 23/6/2014